



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

PADANG MERBOK DIKEMBALIKAN KEPADA RAKYAT

16 JANUARI 2026

Padang Merbok akan dibuka semula sepenuhnya kepada orang awam, mengembalikan akses kepada sebuah ruang yang sejak sekian lama memang milik rakyat. Kawasan ini telah dipagari sekitar Ogos 2022 di bawah pentadbiran terdahulu, Perikatan Nasional dan pagar tersebut telah diturunkan sepenuhnya pada 14 Januari 2026. Kerajaan MADANI komited membetulkan perkara yang tidak wajar dan langkah ini dimulakan dengan mengembalikan Padang Merbok kepada pemilik sebenar iaitu rakyat.

Sejak generasi ke generasi, Padang Merbok merupakan sebahagian penting daripada kehidupan Kuala Lumpur, berfungsi sebagai lokasi sukan, rekreasi dan perhimpunan aman. Penutupan berpanjangan telah menafikan rakyat daripada menggunakan ruang awam yang signifikan ini. Terletak berhampiran Dataran Merdeka dan Parlimen, Padang Merbok mempunyai nilai nasional yang tersendiri, menjadi titik pertemuan semula jadi antara kehidupan komuniti dan ekspresi demokrasi.

Pembukaan semula Padang Merbok juga menjawab keperluan sebuah bandar yang semakin membesar. Kuala Lumpur kini berdepan tekanan akibat kesesakan trafik, peningkatan pelancongan dan penganjuran acara awam berskala besar yang memberi kesan kepada ruang awam sedia ada. Dengan memulihkan padang bersejarah ini, kerajaan menyediakan lokasi yang lebih selamat dan mudah diakses untuk rakyat berkumpul, sambil mengurangkan kesesakan dan melindungi kawasan warisan berdekatan.

Ruang awam mesti berkhidmat untuk rakyat, bukan untuk kuasa. Padang Merbok kini dibuka semula dan tepat di tempat yang sepatutnya.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)